

BAHAGIAN A

Pilih ayat yang paling sesuai dengan gambar.

Gambar di bawah ini menunjukkan aktiviti-aktiviti untuk memelihara alam sekitar.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.



1. Abang Hadi mengutip tin-tin minuman kosong untuk dijual di pusat kitar semula.	
---	--

1. Kita hendaklah mengutip tin-tin minuman kosong untuk dijual di pusat kitar semula.	
---	--

2. Encik Wong dan Encik Halim menanam beberapa batang anak pokok di hutan.	
--	--

2. Kita perlulah menanam semula pokok untuk memelihara alam sekitar.	
--	--

3. Kita mestilah menutup suis lampu jika tidak digunakan agar pembaziran elektrik tidak berlaku.	
--	--


3. Ibu menutup suis lampu jika tidak digunakan agar pembaziran elektrik tidak berlaku.	
--	--

BAHAGIAN A

Pilih ayat yang paling sesuai dengan gambar.

Gambar di bawah menunjukkan faedah-faedah bertani di rumah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang faedah bertani di rumah berdasarkan gambar.



1. Pak Mat dan keluarganya bertani di rumah untuk mengisi masa lapang.	
--	--

1. Bertani di rumah memberikan banyak faedah seperti menyihatkan badan kerana dapat mengeluarkan peluh ketika bercucuk tanam.	
---	--

2. Selain itu, hubungan kekeluargaan juga dapat dieratkan apabila melakukan aktiviti bertani bersama-sama.	
--	--

2. Pak Mat sedang membuat batas tanaman manakala isterinya sedang menyiram sayur-sayuran yang ditanamnya.	
---	--

3. Pak Mat dan keluarganya menjamu selera bersama-sama di dapur.	
--	--

3. Sayur-sayuran yang ditanam dapat dimasak dan dimakan tanpa perlu membeli sayur-sayuran di pasar.	
---	--